

Muzikal pelajar SIM paparkan budaya pelbagai kaum Indonesia



PEMENTASAN MUZIKAL: Pelajar Indonesia yang menuntut di Institut Pengurusan Singapura (SIM) berganding bahu untuk mempersembahkan muzikal yang memaparkan kisah kehidupan penduduk tiga kaum di sebuah pulau. – Foto InSIM

HIDUP harmoni penduduk tiga kaum yang pelbagai diancam apabila seorang datang asing tiba yang menghasut penduduk dan menyebabkan ketegangan di pulau itu.

Kisah bagaimana penduduk mengatasi cabaran tersebut merupakan bahan cerita pementasan muzikal anjuran persatuan pelajar Indonesia Institut Pengurusan Singapura (SIM).

Persatuan yang lebih dikenali dengan nama InSIM itu mempunyai sekitar 1,000 anggota.

Menurut pemimpin InSIM Cik Livia Giovani, pementasan *Ekata – Hope for a New Beginning* dipersembahkan oleh pelajar dan ditujukan untuk pelajar.

Selain menampilkan barisan pelakon yang terdiri daripada para pelajar, kumpulan itu juga berganding bahu menghasilkan skrip dan menggubah muzik bagi pementasan itu.

Cik Giovani, 20 tahun, yang berasal dari Bandung, Indo-

nesia, berkata pementasan itu antara lain mempunyai matlamat mempamerkan keindahan kepelbagaian kaum di Indonesia kepada pelajar di Singapura

“Pelakon dalam muzikal ini misalnya akan mengenakan pakaian tradisional kaum Jawa, Sumatera dan Papua,” kata Cik Giovani, pelajar tahun kedua SIM.

Bagi membiayai pementasan yang menelan belanja sekitar \$30,000 itu, Cik Giovani berkata persatuannya mengadakan usaha mengumpul dana dengan menjual baju-baju dan kemeja-T.

Beliau menambah bahawa seramai 36 pelajar yang mempersembahkan pementasan itu berlatih secara intensif sejak November lalu.

Salah seorang pelajar yang terlibat dalam pementasan itu ialah Claudia Tann Priscilla.

Penuntut SIM berusia 17 tahun itu melakonkan watak Eu-

lis, anak kepada ketua salah satu kaum dalam muzikal itu.

“Watak Eulis amat berbeza daripada watak diri saya.

“Eulis mudah mengalah, amat lembut tetapi perwatakan saya pula lebih tegas,” kata Cik Claudia yang bukan sahaja akan berlakon bahkan menari dan menyanyi dalam pementasan itu.

Mengulas tentang kisah muzikal itu, beliau berkata selain hubungan antara penduduk berbilang kaum, pementasan itu juga mengupas isu pergelutan kuasa dan pengkhianatan.

“Terdapat juga kisah cinta, asmara dan harapan dalam muzikal ini,” ujar Cik Claudia yang berasal dari Jakarta.

Acara yang dipersembahkan dalam bahasa Inggeris itu dijadualkan berlangsung pada 19 dan 20 Januari di SIM Performing Arts Theatre.

Tiket bagi muzikal *Ekata – Hope for a New Beginning* berharga \$20 dan \$22. Hubungi Veren di talian 8130 2047.